

23/04/1997

Simposium sebar mesej Islam

KUALA LUMPUR, Selasa - Simposium Dunia Islam Dan Kerjasama Sejagat: Persiapan Menghadapi Abad Ke-21 yang bermula Jumaat ini menjadi platform bagi pemimpin pelbagai bidang menyebarkan mesej Islam kepada seluruh masyarakat.

Pengerusi Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim), Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid, berkata April tahun lalu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyampaikan ucapan "Islam: The Misunderstood Religion" di Universiti Oxford.

Ucapan itu disebar dengan meluas oleh Pusat Kajian Islam Oxford dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) menerusi bahasa asal dan terjemahannya.

"Daripada reaksi yang saya perolehi, saya dapati ucapan itu menggoncang pemikiran mereka yang hadir di simposium berkenaan dan pembaca lain.

"Dalam ucapannya, Perdana Menteri menyentuh beberapa aspek mengenai politik, sosial dan perhubungan antara Islam dan bukan Islam di samping persepsi Barat terhadap Islam.

"Untuk memperluas dan memperdalamkan isu yang dibangkitkan Perdana Menteri itu, Ikim menganjurkan simposium ini bersama Universiti Oxford supaya pemimpin yang berpengaruh dapat menyebarkan mesej Perdana Menteri dengan lebih meluas, tepat dan jitu," katanya.

Seminar dua hari anjuran Ikim dan Pusat Kajian Islam Oxford itu akan dirasmikan oleh Dr Mahathir, Jumaat ini. Perdana Menteri juga akan menyampaikan ucapan bertajuk 'Dunia Islam Dan Kerjasama Sejagat: Persiapan Menghadapi Abad Ke-21'.

(END)